

02 FEB 1999

Basikal-Langkawi

SUDAH ADA PASUKAN MINAT SERTAI LTdL TAHUN 2000

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi tahun 2000 hanya akan bermula satu tahun lagi, tetapi beberapa pasukan terkemuka dunia telah pun menawarkan diri untuk turut serta dalam perlumbaan berprestij itu.

Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim ketika memberitahu perkara itu di sini hari ini berkata kebanyakan yang membuat tawaran itu adalah pasukan-pasukan yang akan menyertai LTdL edisi keempat bermula esok.

Ini satu petanda baik bahawa LTdL kini sudah diterima dan dikenali ramai, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan pasukan-pasukan yang berminat itu.

Katanya, pihaknya berharap dapat mengadakan kejohanan ini sebagai acara tahunan.

Wan Ibrahim berkata selain pasukan yang sedang mengambil bahagian pada LTdL 1999, beberapa pasukan kebangsaan negara-negara lain turut menyatakan minat mereka.

Beliau memberitahu sehingga semalam, 24 dari 25 pasukan yang menyertai kejohanan ini telah pun tiba. Pasukan terakhir yang dijangka tiba lewat hari ini ialah pasukan kebangsaan Rusia, yang kali pertama mengambil bahagian.

Lima pasukan baru termasuk Cantina Tollo Alexia Alluminio dari Itali dan Acceptcard Pro Cycling Denmark menyertai perlumbaan tahun ini.

Kejohanan kali ini dijangka meriah dan hebat dengan penyertaan juara bertahan Mapei-Quickstep dari Itali yang menurunkan pelumba utamanya Andrea Tafi yang berkedudukan pada ranking ke-7 dunia, begitu juga sebuah lagi pasukan profesional Saturn dari Amerika Syarikat.

Setakat ini, kata beliau, pihak penganjur puas hati dengan persiapan yang ada dan hanya menunggu acara sebenar berlangsung.

Kira-kira 1,000 pegawai dan kakitangan pelbagai bahagian terbabit menjayakan LTdL 1999 yang akan berlangsung sehingga 14 Feb.

Malaysia yang menduduki tempat ke-11 tahun lepas berharap dapat memperbaiki kedudukan itu kali ini. Pada LTdL 1977, Malaysia mendapat tempat ke-19.

Wan Ibrahim yakin peluang Malaysia kali ini bertambah baik.

Tetapi jika dapat mengekalkan kedudukan seperti kejohanan tahun lepas pun sudah memadai, katanya.

Perlumbaan berprestij itu dijangka disertai 150 pelumba dari 25 pasukan profesional dan kebangsaan.

Ia meliputi perjalanan sejauh 1,773.5 kilometer bermula dari Langkawi dan berakhir di Kuala Lumpur mengandungi 12 peringkat termasuk tiga peringkat berbukit yang mencabar.

Perlumbaan itu menawarkan hadiah RM1.5 juta, menjadikannya perlumbaan terbaik selepas Le Tour de France dan Giro d'Italia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan LTdL 1999 di sini hari ini.

Sementara itu First Cartel telah mengadakan kenduri kesyukuran LTdL 1999 di Masjid Al Hana Kuah sini malam tadi. Turut hadir Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid, yang juga pengerusi jawatankuasa penyelaras LTdL 1999 peringkat Langkawi.

--BERNAMA

ZI NH zb

